

**TEBINGAN KUCHING SEBAGAI DESTINASI  
PELANCONGAN**

**OLEH:**

<b>NURHAJIAH BINTI YUSOP</b>	<b>(2000111849)</b>
<b>SITI FARIZAN BINTI YUSSUP</b>	<b>(2000317526)</b>
<b>SURAH NOR AZIZAH BINTI WASLI</b>	<b>(2000374013)</b>
<b>SURIA BINTI SENEN</b>	<b>(2000374020)</b>
<b>ZURAIDA BINTI RAMLEE</b>	<b>(2000374038)</b>

**Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang  
untuk memenuhi Diploma Pentadbiran Awam.**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN  
CAWANGAN SARAWAK**

**OKTOBER 2003**

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Surat penyerahan	i
Perakuan	ii
Penghargaan	iii-iv
Abstrak	v
Senarai Daftar Istilah	vi-vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Lampiran	xi

### **Bab 1 Latarbelakang Kajian**

1.1	Pengenalan	1-7
1.2	Objektif Kajian	8
1.3	Skop Kajian	9
1.4	Hipotesis	10
1.5	Metodologi	11
	1.5.1 Kaedah Pengumpulan Data Primer	11-13
	1.5.2 Kaedah Pengumpulan Data Sekunder	13-14
	1.5.3 Pensampelan	14-15
1.6	Penyata Masalah	16
1.7	Andaian Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Batasan Kajian	19-20

## ABSTRAK

Dewasa ini pelancongan adalah salah satu daripada aset penting kepada kemajuan negara kita. Sarawak adalah salah satu destinasi pelancongan yang semakin popular pada masa ini. Justeru itu, kami telah memilih Tebingan Kuching sebagai kajian dimana tajuk kajian ini adalah “Tebingan Kuching Sebagai Destinasi Pelancongan”.

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana Tebingan Kuching membantu dalam meningkatkan aktiviti pelancongan di Sarawak serta usaha-usaha yang dijalankan untuk membangunkan Tebingan Kuching. Melalui kajian ini, beberapa objektif yang ditetapkan oleh kami seperti melihat masalah, langkah-langkah yang diambil serta beberapa cadangan terhadap masalah seperti masalah kebersihan dan keselamatan.

Penyelidikan dan kajian ini telah menggunakan data primer iaitu sesi temubual, borang kaji selidik dan pemerhatian. Dari data sekunder pula kami dapatkan dari keratan akhbar dan perpustakaan. Teknik persampelan juga dilakukan. Saiz sampel untuk kajian ini ialah, kami telah memilih seratus orang responden yang terdiri daripada orang ramai yang mengunjungi Tebingan Kuching.

Kajian ini kelak dapat memberi sedikit sebanyak maklumat yang diperlukan bagi mana-mana kajian yang akan dibuat di masa hadapan bagi membantu dalam usaha-usaha untuk meningkatkan aktiviti pelancongan di Sarawak.

## **BAB 1**

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Tebingan Kuching adalah salah satu daripada destinasi pelancongan yang terkenal di Sarawak. Ia sering menjadi tumpuan para pelancong dari dalam mahupun luar negara. Kemahsyurannya sebagai destinasi pelancongan merupakan satu aset penting dalam perkembangan ekonomi, sosial, politik dan budaya masyarakat setempat.

Tebingan Kuching pada mulanya hanyalah sebuah tempat di mana terletaknya gudang-gudang kosong dan pelabuhan kapal-kapal pukut tunda. Selain itu aktiviti jualan secara kecil-kecilan turut dijalankan seperti penjualan buah kelapa. Sungai Sarawak di sepanjang tebingan Kuching juga menjadi penghubung utama bagi aktiviti perniagaan. Akibat daripada aktiviti yang dijalankan di Tebingan Kuching, Sungai Sarawak telah mengalami pencemaran yang kritikal. Tumpahan minyak dan pembuangan kulit-kulit buah kelapa ke dalam Sungai Sarawak yang tidak dapat dikawal adalah punca utama yang menyumbang kepada masalah pencemaran.

Selain itu, kewujudan gudang-gudang kosong yang terbiar mewujudkan masalah sosial seperti menghidu gam, penagihan dadah dan aktiviti tidak bermoral. Pada ketika itu, kawasan tersebut telah menjadi kawasan pasif akibat dari aktiviti perkapalan semakin berkurangan.

Kewujudan Sungai Sarawak seolah-olah tidak disedari lantaran adanya penghalang seperti gudang-gudang yang dibina di sepanjang Tebingan Kuching. Lantas, pada tahun 1989, timbullah idea daripada Datuk Patinggi Hj. Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak untuk mengembalikan keindahan Sungai Sarawak. Beliau mahukan

## BAB 2

### ULASAN KARYA

#### 2.1 PENGENALAN

Kuching mempunyai sejarah lampau sebagai pusat perniagaan di mana ia telah didatangi oleh pengunjung dari pelbagai tempat di seluruh negara. Penyertaan kaum Cina, Melayu, India, Eropah dan lain-lain telah mewujudkan sebuah bandar yang kaya dengan budaya yang unik.

Sebelum kurun ke 19, Sarawak adalah tanah jajahan Melayu tempatan di bawah kuasa Sultan Brunei. Sarawak adalah sebuah negeri yang aman. Walaubagaimanapun terdapat segelintir wakil Sultan yang zalim dari Brunei. Ramai penduduk Sarawak yang dipaksa membayar cukai yang tinggi dan pentadbir tempatan yang dipecat tanpa sebab yang munasabah. Rentetan itu, satu demonstrasi secara besar-besaran terhadap pemerintahan Brunei sebagai bantahan kepada tindakan pemerintah Brunei.

Sultan Brunei telah meminta pertolongan daripada James Brooke, seorang pengembara Inggeris yang kaya, untuk menamatkan demonstrasi di Sarawak. James Brooke telah dapat mematahkan demonstrasi tersebut dengan kehadiran kapalnya (Royalist). Sebagai tanda penghargaan, Sultan Brunei telah melantik James Brooke sebagai Gabenor Sarawak.

James Brooke telah meminta bantuan daripada tentera laut British untuk melindungi kedudukannya. Kemudian beliau telah berjaya menyingkirkan semua pegawai Sultan Brunei dari Sarawak. Sultan Brunei dengan rasa marah cuba untuk merampas kembali takhta tetapi Brooke telah mendahului Sultan Brunei. Sultan telah dipaksa untuk